

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 23
RUANGAN : KESIHATAN

'4 produk dicampur racun berjadual'

➔ Kementerian dapat maklumat, pengambilan boleh ancam nyawa pengguna

Oleh Ilah Hafiz Aziz
ilahhafiz.abdulaziz@bh.com.my
Kuala Lumpur

Kementerian Kesihatan menerima maklumat mengenai empat produk dicampur dengan racun berjadual yang boleh menyebabkan kesan advers (negatif) sehingga mengancam nyawa pengguna.

Empat produk itu adalah BB Body, Bello Smaze dan Choco Fit yang

mengandungi racun berjadual jenis Sibutramine, manakala produk Seahorse Chop Du Zhong Ba Ji Wan mengandungi Dexamethasone Chlorpheniramine Frusemide.

Kesan advers sibutramine adalah kadar degupan jantung yang laju, masalah tidur tidak lena, mulut kering serta rasa mual, manakala Dexamethasone Chlorpheniramine Frusemide mengakibatkan kesan pertambahan berat badan yang mendadak dan muka 'moon face' iaitu menjadi sembab.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata pihaknya menerima maklumat mengenai empat produk yang dicampur dengan racun berjadual dan menyebabkan kesan advers itu daripada Pihak Berkuasa Sains Kesihatan (HSA) Singapura melalui Program Perkhidmatan Farmasi.

Katanya, seran mendapati produk itu bukan keluaran yang ber-

daftar dan ia perlu berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD), Kementerian Kesihatan.

"HSA turut melaporkan bahawa terdapat premis yang menjual produk itu di Johor Bahru dan berikutan itu, tiga operasi serbuan dijalankan Cawangan Penguatkuasaan Farmasi, Jabatan Kesihatan Negeri Johor pada 13 hingga 17 Jun lalu di sekitar Johor Bahru.

Pemeriksaan berkala diteruskan
"Dalam operasi itu, 23 premis diperiksa tetapi semua produk yang dilaporkan tidak dikesan dijual di premis berkenaan.

"Pemeriksaan berkala akan tetap diteruskan bagi memastikan tiada penjualan produk tidak berdaftar atau bahan produk yang dicampur dengan racun berjadual," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Dr Noor Hisham memberi amaran kepada penjual dan pembekal

produk berkenaan supaya menghentikan penjualan serta pembekalan dengan serta-merta kerana ia melanggar Peraturan 7(1)(a) Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984.

"Kementerian Kesihatan juga menasihatkan pengguna jangan membeli atau menggunakan empat produk ini. Sekiranya ada yang sedang menggunakan produk BB Body, Bello Smaze dan Choco Fit, mereka perlu berhenti serta-merta dan dapatkan rawatan segera jika bimbangkan kesihatan mereka.

"Bagi yang sedang menggunakan produk Seahorse Chop Du Zhong Ba Ji Wan yang mengandungi steroid poten, pengguna disarankan segera berjumpa dengan doktor.

"Menghentikan steroid tanpa pengawasan perubatan yang betul boleh menyebabkan tanda pengunduran (withdrawal) yang serius seperti keletihan, kekeliruan dan tekanan darah rendah, terutama

apabila produk diambil lebih daripada beberapa minggu," katanya.

Dr Noor Hisham turut merisihatkan orang ramai supaya sentiasa berhati-hati ketika membeli, produk kesihatan dan kosmetik bagi mengelak bahaya yang mungkin timbul apabila menggunakan produk tidak berdaftar atau kosmetik tidak bertenitifikasi.

"Produk berdaftar mempunyai nombor pendaftaran MAL dan bel Hologram Meditag pada bungkusannya. Semua pembekal ubat yang mengandungi racun berjadual (Ubat Terkawal) adalah tertakluk di bawah Akta Racun 19 yang perlu dipatuhi oleh pengamperubatan dan ahli farmasi.

"Orang awam juga boleh menyemak status pendaftaran sesuatu produk melalui laman sesawang <http://nppra.moh.gov.my> atau dengan menghubungi Bahagian Farmakologi Farmasi Negara di talian 03-78835400," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 39

RUANGAN : SETEMPAT

Cukai import rokok, arak mungkin naik

Serdang: Cukai import rokok dan arak mungkin akan dinaikkan pada pembentangan Belanjawan 2020 selepas ia tidak dinaikkan dalam tempoh 15 tahun lalu.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, syor berkenaan antara ini pati penting yang diteliti pihaknya untuk dicadangkan kepada Kementerian Kewangan.

"Itu juga antara cadangan Majlis Kawalan Tembakau Malaysia (MCTC)," katanya selepas merasmikan Konvensyen Kesedaran Persekitaran Bebas Amalan Merokok di Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini, semalam.

Konvensyen itu diadakan sempena Hari Tanpa Tembakau Sedunia 2019.

Dalam pada itu, Dzulkefly berkata, Kementerian Kesihatan hanya menerima 304 aduan berkaitan perokok yang merokok di restoran dan premis makanan selepas kerajaan menangguh-

kan penguatkuasaan larangan bahan itu.

Selain itu, beliau berkata, pihaknya menerima 15,828 aduan sepanjang tempoh 31 Disember tahun lalu hingga 29 Mei lalu.

"Trend penurunan sangat drastik iaitu hanya 304 aduan mulai 20 Mei hingga 2 Jun lalu.

"Mungkin orang ramai melihat tiada apa-apa kesan kerana itu semakin sedikit aduan yang diterima ataupun kesedaran perokok sudah semakin baik," katanya.

Menurutnya, 28,765 notis amaran dikeluarkan sejak 31 Disember tahun lalu hingga 2 Jun lalu dengan 108,504 premis diperiksa dalam tempoh sama.

"Saya ingin tegaskan bahawa penguatkuasaan larangan merokok di semua restoran dan premis makanan tetap akan dikuatkuasakan serta merta pada 1 Januari 2020. Tiada lagi penangguhan," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 36

RUANGAN : SETEMPAT

Alor Setar

Lapan kompaun kepada pemilik premis biak nyamuk aedes

Lapan kompaun masing-masing bernilai RM4,000 dikeluarkan kepada pemilik premis yang didapati mempunyai tempat pembiakan nyamuk aedes.

Pengarah Kesihatan Kedah, Datuk Norhizan Ismail berkata, kompaun dikeluarkan mengikut Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit (APSP) 1975.

"Setakat ini, dua kawasan di daerah ini dikesan dilanda wabak Chikungunya iaitu di Simpang Kuala dan deretan kedai di hadapan City Plaza, dekat sini.

"Wabak di deretan kedai berhampiran City Plaza bertambah sembilan kes yang menjadikan kumulatif kes di lokasi itu adalah 28 manakala di Simpang Kuala pula tujuh kes, namun semua pesakit stabil," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam. Norhizan berkata,

walaupun berlaku peningkatan kes, siasatan mendapati semua mereka terdedah kepada jangkitan sebelum aktiviti kawalan dilakukan sepanjang tempoh penyakit itu dikesan.

Beliau berkata, pejabat Kesihatan Daerah kini sedang menjalankan tindakan pencegahan dan kawalan iaitu menjalankan pengesanan kes secara aktif (ACD) di sekitar kawasan terbabit.

"Selain itu, promosi kesihatan giat dilakukan kepada penduduk setempat iaitu meminta mereka mendapatkan rawatan segera jika mengalami tanda demam, sakit sendi dan ruam.

"Pegawai kami turut melakukan pemeriksaan dan pemusnahan tempat pembaikan nyamuk Aedes di sekitar kediaman dan premis perniagaan," katanya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : NEWS/NATION

PASIR GUDANG

JOHOR DoE TO PROBE INTO 38 FACTORIES

Operators taken to task for failing to adhere to Environmental Quality Act 1974

KALBANA PERIMBANAYAGAM
PASIR GUDANG
kalbana@nstp.com.my

THE Department of Environment (DOE) in Johor has initiated an investigation into at least 38 industrial factories operating in Pasir Gudang, for non-compliance and flouting the department's laws.

State Health, Culture and Heritage Committee chairman Mohd Khuzzan Abu Bakar said action taken included issuing compounds to 37 factory operators who failed to adhere to the department's procedures under the Environmental Quality Act 1974.

"Of the total, 27 compounds were issued for unscheduled waste disposal, 10 were for industrial effluents and three no-



Johor Health, Culture and Heritage Committee chairman Mohd Khuzzan Abu Bakar (centre), flanked by Johor Local and Urban Wellbeing Committee chairman Tan Chen Choon (left) and Johor State Government (Management) Deputy Secretary-General Datuk Dr Badrul Hisham Kassim, at a press conference on the situation in Pasir Gudang yesterday. PIC BY HAIRUL ANUAR RAHIM

tices to stop work and notice of demand.

"This is part of our enforcement to crack down on factories which did not comply with the that act," he said.

Khuzzan said the air quality and pollution index reading in the affected area showed no signs of pollution.

"Air quality reading in the Pasir Gudang area was at a 'good' level," he said, adding police would step up security and conduct road check while DoE carried out enforcement against errant factory owners.

He said that 100 tonnes of chemical waste had been shipped out of the site for disposal.



Chemistry Department officers conducting air quality checks at Platinum Road Industrial Estate near Kampung Pasir Gudang Baru and in areas around Pasir Gudang. PIC BY HAIRUL ANUAR RAHIM

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NATION

No let-up in 'no smoking' drive, says Dzul

By LOH FOON FONG
foonfong@thestar.com.my

SERDANG: Some "recalcitrants" continue to smoke in open-air eateries despite the ban but the Health Ministry will continue its educational enforcement until the law comes into full force by next January, says Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

"With any policy, there is bound to be a small number of people who resist it," said the Health Minister.

"Beyond just the law, we want people to understand why we impose the smoking ban.

"It is for the welfare and health of the people. This is the time given for

Beyond just the law, we want people to understand why we impose the smoking ban.

Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad

the buy-in," he said in a press conference held in conjunction with World Tobacco Free Day 2019 yesterday.

However, he said that there would be no more moratorium on penalties from next year.

"We will not compromise and enforce the law (on Jan 1)," he said.

Dzulkefly pointed out that in 2015, the World Health Organisation (WHO) reported six million deaths each year as a result of smoking.

Out of that figure, at least 600,000 were a result of second-hand smoking, with 130,000 of them being children.

"This is a tragedy if parents do not know that they are exposing carcinogens to their children," he said.

In Malaysia, the National Health Morbidity Survey 2015 estimated

that five million Malaysians aged 15 and above were smokers while 20,000 die every year as a result of health complications from smoking exposure," said Dzulkefly.

Meanwhile, he said the ministry had set up a task force, headed by his deputy Dr Lee Boon Chye, to address vaping and e-cigarettes.

Following the smoking ban in eateries, more than 111,042 premises were inspected from Dec 31 to June 2.

The number of warning notices issued during the same period were 29,650, while 227,770 educational activities were carried out.

The ministry had also received 1627 complaints.